

## PERTANDINGAN PING PONG PERSEORANGAN TUNAS HARAPAN KUALA LUMPUR KALI KE-25, 2012

1. Objektif :
  - 1.1 Untuk mencungkil bakat pemain ping pong yang berpotensi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
  - 1.2 Untuk mempertingkatkan taraf sukan ping pong di semua sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
2. Tarikh & Masa  
Pertandingan : 15 Julai 2012, Ahad (untuk kategori umur bawah 13 tahun), 9.00 a.m. – 6 p.m.
3. Tempat : Aras Gelanggang Aktiviti Sekolah Men. Persendirian Tsun Jin, Jln Loke Yew, 55200 K. Lumpur.
4. Acara : Perseorangan Lelaki dan Perempuan umur bawah 13 tahun (dilahir pada atau selepas 1.1.1999)
5. Borang Penyertaan : Sila melayari laman web berikut untuk download Borang berkenaan:  
<http://kltta.tripod.com/id11.html>
6. Yuran Penyertaan : RM10.00 seorang - (perlu menjelaskan pada hari pertandingan).
7. Tarikh Tutup Penyertaan : 12 Julai 2012, Khamis, jam 4.00 petang.
8. Penyerahan Borang Penyertaan : Sila faks @ e-mail untuk menghantarkan Borang Pendaftaran bersama slip bank kepada :  
Faks: 03 – 92810928, E-mel: [kltta1975@gmail.com](mailto:kltta1975@gmail.com), Nombor Akaun **Public Bank : 3082105320**
9. Hadiah : Hadiah-hadiah akan diberikan kepada johan, naib-johan, dan 2 tempat ketiga.
10. Peserta yang lewat 10 minit dari masa yang ditetapkan akan dianggap memberi kemenangan percuma kepada peserta lawannya. Keputusan-keputusan pertandingan yang terdahulu tidak akan diambil kira bagi peserta yang menarik diri.
11. Peraturan Pertandingan : tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dibawah undang-undang ini.
  - 11.1 Pertandingan ini dibuka kepada warganegara Malaysia sahaja.
  - 11.2 Semua peserta perlu berdaftar nama atas perwakilan nama sekolah masing-masing.
  - 11.3 Semua cabutan undi akan menggunakan sistem undian berkomputer.
  - 11.4 Pertukaran pemain tidak dibenarkan selepas cabutan undi.
  - 11.5 Semua peserta yang bertanding juga dikehendaki menjadi pengadil pertandingan.
  - 11.6 Pertandingan ini mengikut peraturan terbaru ITTF.
  - 11.7 Bola ping pong berwarna putih 3 bintang yang kelulusan ITTF akan digunakan.
  - 11.8 Pemain tidak dibenarkan memakai baju-T yang berwarna putih dalam pertandingan.
  - 11.9 Pada **pusingan awal**, pemain akan dibahagikan kepada kumpulan dan **sistem pertandingan liga** digunakan dan akan **diputuskan dengan 3 kemenangan daripada lima(5) permainan, "best of 5 games"**. Hanya Johan dan Naib-johan dalam kumpulan akan dipilih ke **pusingan kedua** yang akan bertanding secara **kalah mati** yang **akan diputuskan dengan 3 kemenangan daripada lima(5) permainan**.
12. Bantahan / Rayuan:
  - 12.1 Jawatankuasa Teknik Persatuan Ping Pong Kuala Lumpur dan Referei Kejohanan akan menjadi Juri Rayuan Pertandingan ini.
  - 12.2 Bantahan atau rayuan hendaklah dibuat selewat-lewatnya dua(2) jam selepas tamatnya pertandingan melalui Pengurus Pasukan dengan cara bertulis yang disertakan dengan bayaran RM200.00 sebagai wang cagaran. Wang pertaruhan ini tidak akan dikembalikan atas bantahan/rayuan yang tidak berjaya.
13. Perkara Khusus : Peserta-peserta yang berjaya dipilih mewakili persatuan kami mestilah menyertai setiap kejohanan yang disertai oleh persatuan kami serta mematuhi Peraturan Kelayakan Pemain Persatuan Ping Pong Malaysia. Jika anda gagal berbuat demikian tanpa sebab yang munasabah, tindakan disiplin akan diambil oleh jawatankuasa disiplin persatuan.
14. Perkara AM : Jawatankuasa pengelola berhak membuat keputusan jika ada apa-apa perkara yang tidak disebut dalam peraturan pertandingan dan keputusan adalah muktamad.